

## **KOSA KATA INDO-EROPAH, SEMITIK, SINO-TIBET DAN DARVIDIEN DALAM INTERNASIONALISASI BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA UTAMA DUNIA DI ALAM MALAYNESIA**

**Mohd Nor Azan bin Abdullah<sup>1</sup>**

**Mohd Yusof bin Abdullah<sup>2</sup>**

Universiti Malaysia Sabah<sup>1</sup>

Kolej Universiti Islam Melaka<sup>2</sup>

### **Abstrak**

Kertas kerja ini mengkaji internasionalisasi leksis bahasa Melayu dengan melihat sejarah kemasukan leksis non-Austronesia seperti Sanskrit, Parsi, Portugis, Belanda, Inggeris daripada keluarga Indo-Eropah, penyerapan leksis Arab daripada keluarga bahasa Semitik, peminjaman leksis Cina yang berada dalam cabang keluarga Sino-Tibet dan leksis Tamil daripada keluarga bahasa Darvidien yang diguna pakai sebagai leksis Melayu di alam Malaynesia. Alam Malaynesia dikenali sebagai alam Melayu atau alam Nusantara. Secara tuntas, bahasa Melayu merupakan bahasa lingua franca bagi penghuni kepulauan Malaynesia sejak berzaman. Hebatnya, ia dapat berasimilasi dengan beberapa perbendaharaan kata dari keluarga bahasa non-Austronesia. Oleh itu, bahasa Melayu tergolong ke dalam salah satu bahasa yang bersifat fleksibel. Kajian ini akan menyenaraikan beberapa leksis bukan Austronesia yang diserapkan sebagai leksis Melayu dengan membandingkan perubahan bunyi yang telah diubah suai mengikut sebutan bahasa Melayu dan secara tidak langsung ianya memperlihatkan unsur internasionalisasi leksis tersebut ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini akan menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan rujukan buku teks, dokumentasi berkaitan serta rujukan pelbagai bahan bertulis dari pelbagai sumber.

**Kata Kunci:** Indo-Eropah, Semitik, Sino-Tibet, Darvidien, Internasionalisasi, Leksis, Bahasa Melayu, Alam Malaynesia.

## **INDO-EUROPE, SEMITIC, SINO-TIBET AND DARVIDIAN VOCABULARY IN INTERNASIONALIZATION OF MALAY LEXICON AS A WORLD LANGUAGE IN THE MALAYNESIA**

### **Abstract**

*This paper examines the lexical internationalization of Malay language by looking at the history of non-Austronesian lexical inclusion such as Sanskrit, Persian, Portuguese, Dutch, English from the Indo-European family; Arabic lexical loans from the Semitic family, Chinese lexical loans from Sino-Tibet family and Tamil lexical loans from the Darvidian family language that are used as Malay lexicons in Malaynesia. The Malaynesia world is also known as the Malay world or Nusantara. The Malay language is completely the lingua franca for the inhabitants of the Malaynesian archipelago for centuries. Amazingly, it can be assimilated by some vocabulary from the non-Austronesian language family. Therefore, Malay is classified into one of the flexible languages. This study will list some non-Austronesian lexis which are borrowed as Malay lexical by modifying its phonemes according to the Malay language pronunciation and show the lexical internationalization into the Malay language itself. The author will use the library research method by referring to textbooks, related documentation and various written materials and websites.*

**Keywords:** Indo-European, Semitic, Sino-Tibetan, Darvidien, Internationalization, Leksis, Malay, Malaynesia.

## **PENGENALAN**

Pada abad ke 7, bahasa Melayu telah menjadi bahasa utama di alam Malaynesia di bawah kerajaan Sriwijaya. Kerajaan Sriwijaya menguasai laluan laut sebagai lalu lintas perdagangan. Demikian juga bahasa Melayu menjadi bahasa pemerintahan semasa kekuasaan kerajaan Pasai, Melaka dan Aceh disamping menjadi bahasa dunia dagang. Selain bahasa Melayu menjadi bahasa perdagangan, ia juga merupakan bahasa persuratan seperti tergambar dalam hasil karya pemikir-pemikir Islam, contohnya dalam karya Hamzah Fansuri, Naruddin al-Raniri, Syamsuddin Pasai dan sebagai. Malahan dengan adanya Hukum Kanun Melaka, Undang-Undang Laut Melaka, Undang-Undang Johor, Undang-Undang Pahang dan Undang-Undang 99 Perak telah membuktikan kemampuan sebagai bahasa perundangan. Bahasa Melayu juga telah menjadi bahasa politik, diplomatik dan bahasa pentadbiran yang gemilang. Kegemilangannya dapat dilihat bila mana surat-surat dan perjanjian sesama kerajaan Melayu malah di antara kerajaan Melayu dengan kerajaan asing ditulis dalam bahasa Melayu. Menurut Awang Sariyan dalam *Ceritera Bahasa* (2015), di Perpustakaan Sorbone, Paris tersimpan dua pucuk surat Raja Ternate kepada Raja Timor dalam abad ke 13 ditulis dalam bahasa Melayu sedangkan bahasa tersebut bukan bahasa Perantaraan di Ternate. Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi pada zaman keagungan kerajaan-kerajaan Melayu Malaynesia. Keagungan bahasa Melayu dapat diselami melalui tulisan Francois Valentijn "*Oud en Nieuw Oost-Indiën - Old and New East-India*" (1724–1726) sebuah buku tentang sejarah "*Dutch East India Company dan negara-negara Timur Jauh*". Beliau merupakan seorang sejarawan berbangsa Belanda berkongsi pandangannya terhadap bahasa Melayu pada awal abad ke 18 adalah seperti berikut:

*...Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan saja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di segala negeri-negeri Timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana-mana saja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa lingua franca di Itali dan di Levant. Sungguh luas tersebar bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya tidaklah mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan saja dimengerti di Parsi bahkan lebih jauh daripada negeri itu, dan di sebelah timurnya sehingga Kepulauan Filipina.*

(Tatabahasa Dewan, 2009: 15)

Kenyataan Francois Valentijn (1724), jelas membuktikan betapa pendeta yang bangsanya non-Austronesia memberikan pengiktirafan terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran dan perdagangan kerajaan Melayu dan sebagai bahasa *lingua franca*, yang setanding dengan bahasa Latin di Eropah. Pengiktirafan sedemikian menunjukkan kepada dunia bahawa bahasa Melayu merupakan salah sebuah bahasa <antaranegara> dan merupakan antara bahasa utama dunia. Tidak dinafikan penyerapan sejumlah besar leksis dari segala keluarga bahasa dunia ke dalam bahasa Melayu, memberikan imej internasionalisasi leksis-leksis tersebut melalui konsep asimilasi yang disesuaikan dengan bunyi sebutan Melayu Malaynesia.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan iaitu dengan merujuk buku teks, dokumentasi yang berkaitan serta merujuk pelbagai bahan bertulis dan laman sesawang. Kajian ini akan mengenal pasti etimologi sesuatu leksis daripada keluarga Indo-Eropah meliputi kosa kata Portugis, Belanda, Inggeris, Sanskrit, Parsi, Sino-Tibet (Cina), Semitik (Arab) dan Darvidien (Tamil) yang dimelayukan melalui beberapa penyesuaian elemen linguistik mengikut acuan dan sebutan Melayu Malaynesia.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian adalah untuk menyediakan beberapa inventori berbentuk jadual kosa kata keluarga bahasa *Indo-Eropah* dan penyesuaian kosa kata tersebut ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini juga bertujuan untuk mengelaskan senarai pinjaman kosa kata Arab dari keluarga bahasa semitik, Sino-

Tibet (Cina) dan Darvidien (Tamil) dalam memperkayakan kosa kata bahasa Melayu sebagai di antara bahasa utama dunia dengan melihat perubahan bentuk dan makna kosa kata serapan tersebut.

## KAJIAN LITERATUR

Penyelidikan ini telah membuat sorotan literatur dengan merujuk buku-buku mahupun dokumen tokoh-tokoh seperti Harimurti Kridalaksana, Tee Boon Chuan dan Bernd Nothofer. Bernd Nothofer mengkaji kosa-kosa kata Melayu yang diambil daripada pelbagai keluarga bahasa yang bukan bahasa Austronesia bertujuan mengetahui asal-usul sesuatu kata dan mengelaskan semula sejarah etimologi sesuatu perkataan ke dalam sebuah Kamus Besar Melayu.


Bernd Nothofer (2008) dalam kajiannya tentang kata pinjaman dari bahasa Non-Austronesia ke dalam bahasa Melayu, mengupas asal usul kata serapan ke dalam bahasa Austronesia. Beliau mengharapkan maklumat etimologi yang disajikan dalam kajian dapat menyumbangkan pengertian yang lebih mendalam mengenai sejarah bahasa Melayu kepada penutur asli dan individu yang mempelajari sebagai bahasa asing. Beliau membicarakan tentang susur galur bahasa Melayu melalui penulisan Kamus Besar Bahasa Melayu Dewan dengan harapan agar maklumat etimologi kosa kata Melayu dapat diperincikan. Beliau membicarakan erti kata sumber yang tidak ada perbezaan dengan erti kata yang dipinjam, perbezaan erti, ketidaktentuan tentang kata sumber, kata sumber dalam bentuk Melayu, morfologi bahasa Melayu dan pengaruh terhadap perkembangan pinjaman perbendaharaan kata. Di antara contoh kata sumber yang tidak berubah erti pinjamannya seperti <*rupa, masa, nagara, gaja (gajah), phala (pahala)*> dan sebagainya.

Tee Boon Chuan (2008) pula menulis mengenai leksikografi Melayu dari kaca mata morfologi Sanskrit. Menurut beliau, dalam Kamus Pelajar yang disusun untuk kegunaan pelajar menengah negara terdapat 827 bilangan kosa kata Sanskrit iaitu mewakili 9.43% daripada 8755 bilangan kosa kata yang tersenarai. Menurutnya lagi bahasa Melayu telah banyak memanfaatkan kosa kata bahasa Sanskrit dan kemasukkan kosa kata tersebut dapat dilihat dalam kata serapan (*loanword*), kata campuran (*hybrid word*) yang merujuk dua perkataan yang datang daripada berlainan keluarga bahasa lalu bercantum menjadi satu perkataan dalam bahasa Melayu. Contohnya kata '*acap*' daripada bahasa tempatan bergabung dengan leksis '*kali*' daripada bahasa Sanskrit lalu membentuk leksis "*acapkali*"; "*pada*" leksis tempatan bergabung dengan leksis Arab '*hal*', membentuk leksis hybrid "*padahal*". Menurut Tee Boon Chuan (2008) lagi, terdapat 12.9% daripada jumlah keseluruhan perkataan dalam kamus tersebut melibatkan bentuk hybrid. Kemasukkan leksis Sanskrit juga boleh dilihat melalui kata terjemahan yang dipadankan dengan kosa kata Sanskrit (hanuman□kera kecil).

Menurut Harimurti Kridalaksana (2008) dalam tulisannya 'Maklumat Etimologis dalam Perkamusan Melayu', masalah kurangnya kajian asal usul sesuatu leksis itu kerana jumlah bahasa yang dikuasai pelajar bahasa adalah sedikit. Kebanyakan individu yang menguasai bahasa Arab, bahasa Sanskrit atau bahasa Portugis mempunyai kepekaan untuk mencurigai leksis dan berupaya untuk memperjelaskan dari mana asal kata seperti *gizi, sejahtera* atau *sekolah*. Menurut Harimurti Kridalaksana (2008) lagi, dengan kurangnya dokumentasi serta argumentasi tentang asal usul sebuah kata juga merupakan halangan dalam memastikan dokumen yang autentik dan logik dalam mendokong kajian etimologi leksis.


Walaupun terdapat kajian mengenai beberapa kosa kata bahasa Melayu yang berasal dari bahasa Sanskrit mahupun Arab, akan tetapi artikel ini merupakan kajian secara kolektif kosa kata dari pelbagai keluarga bahasa dunia yang diterima pakai ke dalam bahasa Melayu dengan memperlihatkan konsep internasionalisasi leksis bahasa Melayu itu sendiri. Kosa kata Indo-Eropah, Arab, Sino-Tibet dan Darvidien mewarnai konsep internasionalisasi bahasa Austronesia khususnya bahasa Melayu kerana leksis Melayu dapat mengadaptasi kosa kata dari pelbagai keluarga bahasa dunia non-Austronesia. Internasionalisasi bahasa Melayu dapat dilihat melalui pengutusan surat menyurat raja-raja Nusantara yang ditujukan kepada pihak penjajah, ditulis dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh, surat Sultan Aceh kepada King James I, England (1612). Pengutusan surat ini diceritakan oleh Jammes T. Collins (2005) dalam bukunya *Bahasa Melayu Bahasa Dunia*. Oleh yang demikian, memartabatkan bahasa Melayu telah berlaku sejak kerajaan Sriwijaya lagi bukan sahaja ianya diperkasakan oleh penduduk Melayu itu sendiri malah oleh bangsa-bangsa non-Austronesia dari luar kepulauan Malaynesia. Penyelidikan ini akan mengesahkan bagaimana penyerapan kosa kata dari

pelbagai keluarga bahasa dunia telah memberi imej internasionalisasi lexis bahasa Melayu di alam Malaynesia. Pernyataan ini dijelaskan dalam Rajah 1 di bawah.



**Rajah 1: Internasionalisasi Bahasa Melayu Melalui Serapan Perbendaharaan Kata Dari Keluarga Bahasa Dunia (di ubah suai dari tesis Phd., Mohd Nor Azan Abdullah, 2013)**

Dalam Rajah 2 di bawah, menunjukkan susur galur bahasa Melayu yang tumbuh dari rumpun Austronesia. Kemudian menjalar membentuk keluarga Malayo-Polinesia. Keluarga Malayo Polinesia pula melahirkan tiga sub-cabang yang dikenali sebagai cabang Oriental, Oksidental dan Central. Cabang Oriental mewakili *Halmahera* dan *Oseanik*. Halmahera meliputi kawasan *Pulau Halmahera* dan disebelah barat *Pulau Irian* manakala Oseanik meliputi *Melanesia*, *Polinesia* dan *Mikronesia*. Cabang Central pula meliputi contoh bahasa Tetum (kawasan Timor-Timur) dan Damar (kawasan kepulauan Maluku). Cabang utama yang diperbincangkan dalam artikel ini adalah cabang Oksidental. Di cabang inilah terkumpulnya kelompok bahasa Melayu dan bahasa-bahasa yang serumpun dengannya seperti bahasa Minangkabau, Melayu Brunei, Sunda dan lain-lain dialek rumpun Melayu. Kesemua rumpun bahasa Melayu telah dipengaruhi bahasa Sanskrit, Arab, Parsi, Cina, Tamil dan Eropah hasil daripada penjajahan, pembudayaan, perdagangan, penyerapan ilmu teknologi dari dunia luar, pelancongan serta beberapa kegiatan yang melibatkan perhubungan atau pertembungan di antara dua atau lebih budaya yang berbeza, lantas proses saling pinjam-meminjam perbendaharaan kata berlaku atas dasar keperluan semasa.



**Rajah 2: Bahasa Melayu dalam Rumpun Austronesia (Mohd Nor Azan Abdullah, 2013)**

## Internasionalisasi Leksis Melayu

Maksud internasionalisasi leksis pelbagai bahasa dari pelbagai keluarga bahasa dunia adalah merujuk penerimaan leksis non-Austronesia tersebut, dimelayukan penggunaannya oleh penutur Melayu di alam Malaynesia. Ianya dapat dilihat dalam jadual seperti di bawah. Ciri fonologi leksis pinjaman boleh diteliti melalui:-

- ✓ Pengekalan bentuk fonologi asal.
- ✓ Perubahan fonologi.

Penganalisan perubahan fonologi melibatkan penguguran vokal, konsonan, penyisipan vokal dan konsonan serta kepanjangan suku kata. Terdapat juga leksis yang mengalami perubahan elemen linguistik dalam tulisan yang ketara; Sanskrit: sukhasyita □ sukacita (Melayu). Kebanyakan leksis serapan mengekalkan semantik kata asalnya.

**Jadual 1: Contoh Penyerapan Beberapa Kosa Kata Indo-Eropah (Inggeris, Belanda, Portugis, Sanskrit, Parsi) yang dimelayukan)**

Inggeris	Melayu	Belanda	Melayu	Portugis	Melayu
<b>conductor</b>	Konduktor	<i>rector</i>	rektor	<b>mesa</b>	meja
<b>Pencil</b>	pensil	<i>duet</i>	duet	<b>sapato</b>	sepatu
<b>Mind</b>	minda	<i>winkel</i>	bengkel	<b>queijo</b>	keju
<b>Cartoon</b>	kartun	<i>schop</i>	sekop	<b>garfo</b>	garpu
<b>Institute</b>	Institut	<i>tragisch</i>	tragis	<b>boneca</b>	boneka
<b>Cent</b>	sen	<i>firma</i>	firma	<b>escola</b>	sekolah
<b>Carbon</b>	Karbon	<i>voorloper</i>	pelopor	<b>bandeira</b>	bendera
<b>fashion</b>	fesyen	<i>rek</i>	rak	<b>Igerja</b>	gereja
<b>Goal</b>	gol	<i>kamer</i>	kamar	<b>soldado</b>	soldadu
<b>Carboard</b>	kadbod	<i>minaret</i>	menara	<b>Roda</b>	roda
<b>Script</b>	Skrip	<i>solo</i>	solo	<b>manteiga</b>	mentega

Sanskrit	Melayu
<b>Svara</b>	suara
<b>Bhasa</b>	bahasa
<b>Satrou</b>	seteru
<b>Raja</b>	raja
<b>maharddhika</b>	merdeka
<b>Vamsa</b>	bangsa
<b>velā</b>	bila
<b>suddha</b>	sudah
<b>katha</b>	kata
<b>nāma</b>	nama
<b>tsjinta</b>	cinta

Parsi	Melayu
آستان ( <b>astana</b> )	istana
بندر ( <b>bandar</b> )	bandar
شلوار ( <b>saluar</b> )	seluar
كشمش ( <b>kismis</b> )	kismis
انگور ( <b>anggour</b> )	anggur
گندم ( <b>gandum</b> )	gandum
پری ( <b>paeri</b> )	peri
روباہ ( <b>rubah</b> )	rubah
ناخد ( <b>nakhoda</b> )	nakhoda
مبادا ( <b>badam</b> )	badam

### Analisis Aspek Semantik dan Fonologi Leksis Pinjaman Berdasarkan Jadual 1, 2, 3 dan 4.

Bagi kata Inggeris yang dimelayukan leksisnya dalam Jadual 1 menunjukkan kesemua leksis pinjaman mengekalkan semantik kata asalnya, akan tetapi terdapat perubahan fonem leksis Inggeris dalam suku kata bila dimelayukan. Contohnya fonem *c* yang diikuti vokal *e* dan *i* dalam suku kata 'ce' dan 'ci' dalam leksis bahasa Inggeris berubah menjadi *s* bila dimelayukan. Contohnya: Cent □ Sen, Pencil □ Pensil. Terdapat juga fonem *c* bertukar *k* apabila leksis bahasa Inggeris

membentuk suku kata ‘*car*’, sebagai contoh carbon□karbon, Cartoon□kartun. Terdapat panjangan suku kata leksis bahasa Inggeris bila dimelayukan; mind□minda dan penyisihan vokal *e* dalam leksis institute□institut. Terdapat juga pengekal bunyi fonologi yang sama daripada leksis asal, goal□gol, akan tetapi fonem *a* disisihkan dalam leksis pinjaman gol yang dimelayukan.

Kata pinjaman Belanda pula, kebanyakan fonem e Belanda bertukar kepada vokal *a* bila leksisnya dimelayukan; kamer□kamar, minaret□menara, rek□rak dan konsonan W□berubah menjadi fonem *b* seperti dalam leksis winkel□bengkel manakala bunyi vokal *i* berubah *e* bila dimelayukan; minaret□menara, winkel□bengkel. Bagi kata pinjaman Portugis pula, fonem g berubah j dalam leksis Melayu; meça□meja dan kebanyakan fonem o pada akhir suku kata leksis Portugis bertukar kepada fonem u bila ianya dimelayukan. Contohnya, sapato□sepatu, garfo□garpu, queijo□keju.

Bunyi awalan aksara konsonan F, X, Z tidak terdapat dalam bahasa Sanskrit manakala aksara konsonan V wujud seperti dalam leksis vaca□bacar, vicara□bicara, vamsa□bangsa, purva□purba. Akan tetapi, aksara ini telah diserapkan sebagai bunyi konsonan *b bilabial* di daerah Nusantara. Bagi leksis Sanskrit seperti « bhasa » huruf vokal a diselitkan di antara dua konsonan bh lalu membentuk leksis serapan bahasa. Terdapat juga pengekal leksis bentuk bunyi fonologi asal seperti nāma□nama hanya penekanan ā agak panjang sedikit jika dibandingkan dengan a yang dimelayukan.

Kebanyakan kata pinjaman Parsi bersifat kekal dalam bentuk fonologi asal kata sumber bila diserap ke dalam bahasa Melayu seperti leksis; gandum, nakhoda, badam, bandar, kismis manakala terdapat juga perubahan vokal pertama *a* dalam leksis astana bertukar kepada vokal *i* bila dimelayukan dan penguguran vokal a dalam suku kata pertama « paē » dalam leksis Parsi « Paeri » menjadi « peri » dalam bahasa Melayu.

**Jadual 2: Penyerapan Beberapa Kosa Kata dari Keluarga Semitik (Arab) ke dalam bahasa Melayu**

Arab	Melayu
Fatwa	petua
Fasal	pasal
La’nah	laknat
Ni’mah	Nikmat
Ta’rif	Takrif
( الأمة )	Ummah
( عادل )	Adil
( عقل )	Akal
( زيتون )	Zaitun
( عمرة )	Umrah

Bunyi aksara C,O,V, X tidak terdapat dalam bahasa Arab maka tidak kata serapan Arab-Melayu bagi bunyi aksara tersebut. Apa yang jelas dalam leksis pinjaman Arab dari keluarga Semitik adalah bersifat pinjaman terus dan segala tanda koma di atas (’), digantikan dengan aksara konsonan *k* dalam bahasa Melayu. Bunyi geseran *f* dan *v* bertukar kepada bunyi *p* dan *b* dalam bahasa Melayu. Leksis “*fatwa*” diterima pakai sebagai “*petua*”. Begitu juga dengan leksis Semitik “*fasal*” dimana bunyi geseran *f* menjadi *p*, lalu terbentuk leksis serapan dari kata sumber Arab “*fasal*” menjadi “*pasal*” dalam bahasa Melayu. Tidak dinafikan terdapat banyak leksis serapan Arab mengekalkan bunyi bahasa sumber asalnya seperti *zaiton*, *akal*, *ummah*, *umrah* dan sebagainya.

**Jadual 3: Penyerapan Beberapa Kosa Kata dari Keluarga Darvidien (Tamil) ke dalam Bahasa Melayu**

Tamil	Melayu
čumma	cuma
kaaranam	kerana
kalutai	keldai
kañči	kanji
kappal	kapal
karai	karat
katai	kedai
kattil	katil
maampalam	mempelam
paričai	perisai
petti	peti
pittam	pitam
ruupam	rupa
taali	tali
taan̄ki	tangki
tirai	tirai
toppi	topi


Dalam Jadual 3, leksis keluarga Darvidien merujuk khususnya bahasa Tamil mengalami perubahan dan penyesuaian bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu. Seperti perubahan vokal dan konsonan yang berlaku dalam kata serapan dari pelbagai bahasa dunia ke dalam bahasa Melayu, maka leksis bahasa Tamil juga tidak ketinggalan dalam mengalami proses sedemikian rupa. Pengguguran konsonan pertama dalam suku kata kedua, seperti konsonon t, p dan m dalam leksis *Kattil*, *kappal*, *toppi*, *čumma* membolehkan penyerapan leksis tersebut disesuaikan dengan sebutan Melayu. Begitu juga dengan vokal berganding *aa*, *uu* seperti dalam leksis < *taali* (tali), *kaaranam* (kerana), *ruupa* (rupa) > yang mana sistem fonologi vokal berganding adalah panjang dalam bahasa Tamil akan tetapi apabila diserapkan ke dalam bahasa Melayu maka ianya akur dengan sistem fonologi Melayu.

**Rajah 4: Penyerapan Beberapa Kosa Kata dari Keluarga Sino-Tibet ke dalam bahasa Melayu**

Dimelayukan dari leksis bahasa Cina	Nada / ton / bunyi intonasi	Nada Mandarin
bihun	<i>bī-hún</i> [hokkien]	米粉
bohsia	<i>bô sia</i> [hokkien]	無聲
cawan	<i>Cháwǎn</i> [mandarin]	茶碗
cukup	<i>Zúgòu</i> [mandarin]	足夠
kongsi	<i>kong-si</i> [hokkien]	公司
kuih	<i>Kué</i> [hokkien]	糰
lobak	<i>Lo baak</i> [kantonis]	蘿蔔
longkang	<i>longkang</i> [hokkien]	龍江
mee	<i>Mī</i> [hokkien]	麵
pau	<i>bāo</i> [umum]	包
syor	<i>Shuō</i> [mandarin]	說
tauhu	<i>tāu-hū</i> [hokkien]	豆腐
teh	<i>tê</i> [hokkien]	茶
teko	<i>tê-kôo</i> [hokkien]	茶壺
Merujuk makna < sejuk > atau < ais >	<i>Bīng</i> [mandarin]	冰
Tapao	<i>Dǎbāo</i> [kantonis]	打包

Bahasa Sino-Tibet merupakan bahasa nadaan (*tone language*), bahasa yang makna perkataannya bergantung pada naik turunnya suara. Dalam bahasa nadaan, satu kata boleh terdiri daripada vokal dan konsonan yang sama tetapi berlainan dari segi nada (Victor Podadaev dan Eugenia Kukushkina: 2018). Bahasa Melayu bukan merupakan bahasa nadaan malah ia merupakan bahasa aglutinasi yang mana semua suku kata dibunyikan. Bahasa yang mencantumkan fonem menjadi suka kata seterusnya membentuk morfem sehingga terbentuk perkataan demi perkataan. Morfem-morfem tersebut boleh berbentuk morfem bebas iaitu tidak terikat dengan sebarang alomorf atau imbuhan atau morfem terikat yang dilingkari dengan alomorf tertentu. Dalam Jadual 4, cara penulisan bahasa Cina sebagai bahasa nadaan sehingga terjemahan ruminya diletakkan tanda sengkang (-) *bī-hún, tē-kōo, tāu-hū* bagi membolehkan nada sebutan dibunyikan dengan tepat. Konsonon <sh: Shuō> diterjemah ke dalam tulisan rumi sebagai <sy:syor> membentuk leksis serapan ke dalam bahasa Melayu.

Menurut Tay Wai Hock yang merupakan penutur natif bahasa Cina iaitu tanda *ā* mewakili nada mendatar dan harmoni, *á* nada naik, *à* nada tekanan manakala *ǎ* merujuk nada turun dan naik. Jadual 1, 2, 3 dan 4 jelas mengesahkan bahawa bahasa Melayu mudah dibentuk dan dilentur sesuai dengan segala keadaan dan keperluan (Nik Safiah *et al.*, 2008). Penyerapan kosa kata bahasa dari Sanskrit, Parsi, Inggeris, Belanda, Portugis, Arab, Tamil dan Cina jelas membuktikan internasionalisasi leksis bahasa Melayu.




**Rajah 3 - Versi II: Ilustrasi Internasionalisasi Leksis Bahasa Melayu Melalui Penyerapan Kosa Kata dari Pelbagai Keluarga Bahasa Dunia (Mohd Nor Azan Abdullah)**

**Rajah diubah suai dari versi I Mohd Nor Azan Abdullah:**

**Leksis Indo dan Arab dalam pengayaan leksis bahasa Melayu. 2016).**

Pengaruh utama bahasa dari keluarga Indo-Eropah (Portugis, Belanda Inggeris, Sanskrit dan Parsi), Arab, Tamil dan Cina ke atas bahasa Melayu amnya dan bahasa Austronesian khususnya telah mengangkat bahasa tersebut sebagai bahasa sarjana yang tinggi. Rajah 3 menjelaskan hubungan leksis Indo-Eropah yang didahului dengan bahasa Sanskrit dan keluarga bahasa yang lain sebagai titik mula pengayaan bahasa rumpun Austronesian dan bahasa Melayu itu sendiri. Kadar diversiti bahasa yang tinggi dapat dibuktikan, wujudnya pelbagai kelompok bahasa yang berbeza tetapi mempunyai ikatan yang rapat dengan bahasa Melayu. Faktor penghijrahan penduduk Malaynesia contohnya ke Madagaskar, Sri Langka dan ke pelusuk lautan Pasifik, Hindi dan China telah meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa utama di kepulauan Malaynesia.





**Rajah 4 Versi II: Kata Serapan bahasa Indo-Eropah, Semitik, Arab dan Sino-Tibet ke dalam Keluarga bahasa Malaynesia (Melayu, Indonesia dan Brunei Meliputi Bahasa Etnik Nusantara) (Mohd Nor Azan Abdullah; rajah diubah suai dari versi I Mohd Nor Azan Abdullah: Leksis Indo dan Arab dalam Pengayaan Leksis bahasa Melayu. 2016)**

Dalam kajian ini, jelas beberapa bahasa etnik di alam Malaynesia menerima pengaruh penyerapan leksis Arab, Cina, Tamil, Sanskrit dan Eropah secara tidak langsung daripada bahasa Melayu yang telah sedia mengadaptasi leksis Indo-Eropah, Darvidien dan Sino-Tibet ketika kemasyhuran kerajaan Melayu di Nusantara. Hal ini kerana keseluruhan alam Melayu bukan sahaja merupakan kawasan penyebaran bahasa Melayu sebagai *lingua franca* malah sebagai pusat perkembangan Islam Nusantara.

## **KESIMPULAN**

Melalui kajian yang dilaksanakan, boleh disimpulkan bahawa internasionalisasi bahasa Melayu dapat dilihat melalui penggunaan leksis pelbagai keluarga bahasa dunia dalam kosa kata bahasa Melayu seperti di Jadual 1.2.3 dan 4. Ia dipertuturkan di zon geografi meliputi Malaysia, Indonesia, Brunei, Madagaskar, Sri Lanka, Segenting Kra dan Singapura serta merupakan di antara 10 bahasa utama yang dipertuturkan di dunia. Internasionalisasi bahasa Melayu bukan sahaja menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tetapi juga menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa sains dan teknologi. Dengan adanya penyerapan pelbagai kosa kata daripada pelbagai keluarga bahasa dunia, ianya memudahkan pembelajaran dan pemahaman bahasa Melayu sebagai bahasa yang mudah dipelajari segala lapisan masyarakat dunia. Seperti juga bahasa Perancis, walaupun merupakan bahasa daripada keluarga bahasa Latin akan tetapi untuk menjadikan bahasa tersebut sebagai bahasa yang terus hidup dan terus dipertuturkan maka bahasa berkenaan diperkayakan dengan leksis-leksis daripada bahasa lain seperti bahasa Germanik meliputi bahasa Belanda dan German. Ia juga diperkayakan dengan mengintegrasikan leksis-leksis Itali, Grek, Sepanyol termasuk leksis dari keluarga bahasa yang jauh seperti leksis bahasa Arab, Hebrew, Turki dan leksis daripada penduduk asli Amerika Selatan (Le Petit Robert: 2012, XIV). Penerimaan leksis daripada pelbagai keluarga bahasa

telah memperkayakan serta memperindahkan lagi bahasa tersebut. Penyerapan leksis-leksis tersebut telah mengangkat bahasa Perancis bukan sahaja sebagai bahasa yang amat kaya dari segi perbendaharaan kata, malah orang Perancis menganggap bahasa Perancis sebagai harta yang kekal untuk bangsa dan negara. Oleh yang demikian internasionalisasi bahasa Melayu dengan penyerapan leksis dari bahasa dunia ke dalam bahasa Melayu akan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa hidup serta terus diperkayakan dan berkembang melalui leksis-leksis bahasa dari luar keluarga bahasa Austronesia di alam Malaynesia.

## **BIBLIOGRAFI**

- Asmah Haji Omar. 2010. *Carik-carik Bulu Ayam Kisah Rundingan Bahasa Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Selangor: Dawama.
- Awang Sarian. 2003. Penggunaan Istilah Kata Serapan. Kuala Lumpur: Temubual Abdul Razak Abu Chik, 3 Januari. Dalam *Pendekatan Pengajaran Berasaskan Kata Serapan Bahasa Melayu untuk Meningkatkan Pemahaman Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Tinggi*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain. 2006. *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Awang Sariyan. 2015. *Ceritera Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bernd Nothofer. 2008. *Kamus Besar Bahasa Melayu Dewan: Sumbangannya kepada Pengetahuan Tentang Susur Galur Bahasa Melayu* dalam Nor Hashimah Jalaluddin dan Rusmadi Baharuddin (Editor), *Leksikografi dan Leksikografi Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James T. Collins. 2003. *Mukadimah Ilmu Etimologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James T. Collins. 2005. *Bahasa Melayu Bahasa Dunia*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Josette REY-DEBOVE and Alain REY. 2012. *Le Petit Robert*: Paris.
- Md. Sidin Md. Resad. 1985. *Asal Usul Alam Melayu*. Klang: Sinaran Bros.
- Mohd Nor Azan Abdullah. 2013. *Thèse du doctorat: Étude Comparative Des Structures Et Des Systèmes Verbaux Du Français Et Du Malais*. Besançon France: Université Du Franche-Comté.
- Mohd Nor Azan Abdullah dan Saini Ag. Damit. 2016. Prosiding: *Leksis Indo dan Arab dalam Pengayaan Leksis Bahasa Melayu*. IPG Kampus Kent Tuaran, Kota Kinabalu.
- Nik Safiah Karim. 2010. *Panorama Bahasa Melayu Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 2009. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahim Aman. 2012. *Bahasa Melayu Bahasa Universal*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- S. Takdir Alisjahbana. 1977. *Dari Perjuangan dan Pertubuhan Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Moderen*. Jakarta: Penerbit Dian Rakyat.
- Tee Boon Chuan. 2008. *Leksikografi Melayu dari Kaca Mata Morfologi Sanskrit* dalam Nor Hashimah Jalaluddin dan Rusmadi Baharuddin (Editor), *Leksikografi dan Leksikografi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **LAMAN SESAWANG**

- [https://ms.wikipedia.org/wiki/Senarai\\_kata\\_pinjaman\\_bahasa\\_Melayu](https://ms.wikipedia.org/wiki/Senarai_kata_pinjaman_bahasa_Melayu). 09.04.2018. 2.00pm.
- <http://populationsdumonde.com/classements/les-10-langues-les-plus-parlees-dans-le-monde> 18.01.2018. 3.00.p.m.
- <http://veda.wikidot.com/malay-words-sanskrit-origin> 18.01.2018. 10.33 p.m.
- <http://www.axl.cefan.ulaval.ca/monde/famindur.htm> 10.01. 2018. 10. p.m.
- [https://en.wikipedia.org/wiki/François\\_Valentijn](https://en.wikipedia.org/wiki/François_Valentijn) 12.01.2018. 9.37. a.m.